



ARKIB : 20/06/2010

CANTIK DENGAN LASER

Baru-baru ini saya ada terbaca satu artikel mengenai faktor yang menyebabkan kita nampak lebih tua daripada usia sebenar. Kajian Dr. Bernard Fink, pakar psikologi dari University of Goettingham, Jerman; dan Dr. Paul Matts dari Procter & Gamble menunjukkan ada dua faktor utama menyumbang ke arah itu iaitu:



- Pigmentasi dan ton kulit tidak sekata.
- Kedut atau garisan kedut pada muka.

Memang tidak dapat dinafikan apabila wanita mahupun lelaki meningkat usia, garis-garis pada wajah menyebabkan mereka nampak lagi berusia. Sepanjang khidmat saya membantu wanita dan lelaki nampak lebih cantik, muda dan bergaya, saya mengesyorkan rawatan bagi mengurangkan kedut-kedut pada wajah dan membantu mereka untuk mendapat ton sekata dan menghilangkan pigmentasi kulit.

Rawatan bagi mendapatkan ton sekata pada kulit amat mencabar. Apabila wanita semakin berusia, bukan sahaja jisim tulang mereka semakin berkurangan tetapi jumlah kolagen pada lapisan bawah kulit juga menipis menyebabkan kulit semakin berkedut. Kesan kedut akan lebih ketara apabila seseorang wanita menopause, di mana pengurangan hormon wanita menyumbang pengurangan keanjalan kulit. Bagi lelaki faktor penuaan turut menyumbang kepada masalah kedutan, pigmentasi kulit dan juga tompokan kehitaman pada kulit wajah.

Sejak kebelakangan ini, masalah ton kulit tidak sekata dan pigmentasi semakin menjadi-jadi. Ia disebabkan penggunaan produk kecantikan yang mengandungi bahan tidak diluluskan kerajaan seperti tretinoin dan hidroquinone serta pemanasan global. Sememangnya cahaya matahari adalah salah satu punca utama pigmentasi dan ton warna muka tidak sekata. Apabila sel-sel kulit didedahkan kepada pancaran matahari cahaya ultra ungu yang terdapat di dalamnya akan merangsang sel-sel kulit yang bertanggungjawab membentuk warna pada kulit kita yang dinamakan melanocyte. Sebenarnya sel melanocyte penting sebagai mekanisme pertahanan kulit. Warna yang dikeluarkan menjadikan kulit lebih kuat dan berdaya tahan melawan kanser dan sakit kulit. Namun apabila ia menjadi terlalu aktif maka ia amatlah menghodohkan kulit disebabkan kesan tompokan hitam.

Dalam penulisan sebelum ini saya banyak menceritakan hal serdev dan terapi hormon untuk melawan kedutan muka. Saya yakin ramai antara kita telah pun mengetahui mengenai teknik serdev yang amat berkesan bagi mengangkat kembali muka yang telah jatuh. Teknik ini menggunakan benang yang diperbuat daripada protein dan hasilnya boleh bertahan melebihi 10 tahun lamanya. Bioidentical hormon pula merupakan hormon yang baik bagi meningkatkan kecergasan kita.

Ramai pembaca menghantar e-mel dan menelefon bertanya rawatan yang sesuai bagi kulit berjeragat, pigmentasi dan ton kulit tidak sekata. Mereka ada banyak membaca tentang rawatan terkini menghilangkan pigmentasi dengan menggunakan laser. Oleh kerana terdapat pelbagai jenis laser dan banyak mendengar salon kecantikan menggunakan laser, maka mereka pun ingin mengetahui dengan lebih lanjut kerana keliru dengan pelbagai pilihan yang ada.

Pada awal bulan lepas saya terserempak dengan kawan lama semasa menghadiri 7th Malaysian Conference and Exhibition on Anti-Aging, Aesthetic and Regenerative Medicine di Kuala Lumpur. Kongres itu dinaungi oleh Persatuan Perubatan Anti Penuaan yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan. Ia bertujuan memberi lebih pendedahan kepada doktor yang mendalami perubatan estetik. Sahabat saya merupakan seorang pengamal perubatan di Kuantan, Pahang yang menggunakan banyak laser untuk merawat masalah kecantikan. Walaupun perjumpaan itu singkat namun saya sempat diberi penerangan mengenai laser . Untuk meyakinkan saya lagi, beliau telah berkongsi beberapa gambar pesakit yang menerima rawatan laser untuk pigmentasi. Sungguh menakjubkan dalam masa 10 minggu segala masalah pigmentasi boleh diselesaikan. Saya berterima kasih kepada Dr. Shaharum Sulaiman kerana berkongsi pengalaman merawat pigmentasi menggunakan laser.

Apakah laser

Laser terhasil apabila cahaya melalui satu medium yang berupa gas. Oleh kerana terdapat banyak jenis gas maka laser yang terhasil juga akan menjadi pelbagai bergantung kepada jenis gas yang digunakan. Sebagai contoh gas CO₂ (karbon dioksida) menghasilkan jenis laser yang dinamakan Laser CO₂.

Manakala gas helium menghasilkan laser yang dinamakan Laser Helium. Dalam dunia perubatan laser turut dikelaskan mengikut gred iaitu kelas 1 dan 2 adalah laser yang tidak kuat. Kelas 3 dan 4 pula laser yang kuat dan memerlukan latihan yang cukup sebelum menggunakannya. Kerana itulah para doktor yang terlibat dengan laser mengikuti kursus dan memperolehi sijil kelayakan. Laser yang sering

digunakan dalam perubatan estetik adalah laser lipolisis (Deka) bagi memecahkan lemak pada bahagian tertentu tubuh. Setelah lemak dipecahkan ia akan di sedut keluar. Laser lain terdiri daripada kategori laser Alma laser yang sangat bagus. Di klinik saya saya menggunakan sistem Soprano yang

mempunyai banyak kegunaannya. Ia boleh menghapuskan bulu roma secara kekal dan memutihkan kulit dengan bertindak mengurangkan keaktifan melanosit dalam kulit. Satu lagi kegunaannya ialah meningkatkan kolagen dengan stimulasi pada kulit. Ia meningkatkan kolagen dan menjadikan kulit lebih tegang. Ini menjadikan soprano bukan sahaja sesuai untuk membuang bulu roma pada mana-mana bahagian kulit malah turut memutihkan kulit berbanding sistem lain. Ada juga laser daripada Alma yang bertindak menghapuskan bintik hitam pada kulit seperti sahabat saya menggunakan sistem laser dinamakan Medlight iaitu satu sistem yang terbaik bagi menghapuskan pigmentasi kulit.

Sebenarnya laser sangat sinonim dalam kehidupan kita. Kalau ke pusat membeli-belah misalnya, penggunaan laser yang diguna pakai pada mesin pengimbas menjadikan urusan jual beli berjalan lebih lancar. Bayangkan kalau kita masih menggunakan mesin kira, sudah tentulah urusan menjadi sangat lambat. Begitu juga dalam urusan seharian di rumah, laser digunakan dalam aplikasi alat kawalan jauh.

Di hospital pula laser memudahkan para doktor membuat pembedahan pada organ yang rumit seperti jantung dan mata. Seorang sahabat saya yang merupakan pakar mata memberitahu dengan adanya laser orang yang kabur penglihatannya boleh melihat dengan jelas semula. Beliau memuji teknik Lasix yang digunakan dengan

meluas bagi membentuk semula kanta mata. Hasilnya mata menjadi terang dan kita dapat melihat dengan jelas semula tanpa cermin mata.

“Sila share kepada kenalan anda tanpa mengubah sebarang informasi dalam artikel”



www.marissa-esthetic.com

Semenyih (HQ) : 03-87234808/013-2448484

Selangor : 03-31413729

Melaka : 06-3170412/013-3386698

Shah Alam : 019-3963678

Bandar Baru Bangi : 03-89252334

Kuantan : 017-3581619

Nilai : 012-3585949*Kelantan : 017-3581610